

24 JUL 1996

SAMBUTAN KEPADA DIALOG ANTARABANGSA LANGKAWI MEMBERANGSANGKAN

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi kedua selama tiga hari bermula 29 Julai telah menerima sambutan yang memberangsangkan, kata pengerusi kumpulan pemandu antarabangsa Tan Sri Tajudin Ramli.

Lebih 300 peserta, termasuk tiga orang ketua kerajaan daripada sejauh Afrika, ketua-ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kerajaan akan menghadiri dialog itu, katanya selepas mesyuarat agung tahunan ke-25 dan mesyuarat agung luar biasa Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) di sini hari ini.

Tajudin, yang juga pengerusi MAS dan Kumpulan bagi Teknologi Tinggi Industri-Kerajaan Malaysia (MIGHT) berkata, para peserta akan dapat berkongsi pengalaman mereka berniaga di rantau ini dan menawarkan peluang-peluang bagi pelaburan yang wujud di negara mereka sendiri.

Sambutan tahun lalu adalah memberangsangkan dan hasilnya adalah positif kerana sebilangan perkongsian bijak telah dibentuk berikutan sesi interaktif itu.

"Saya jangka sebilangan memorandum akan ditandatangani pada akhir sesi dialog itu untuk membangunkan projek-projek," kata Tajudin.

Katanya sesi-sesi dialog itu akan menumpukan kepada perdagangan dan "kami adalah komersil sepenuhnya."

Acara itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

JSM OS/sia